

KPDNHEP pantau lebih 4,000 premis di pusat pelancongan sempena sempena TMM2020

Bernama | 📅 Januari 06, 2020 04:48 MYT



Iskandar Halim (dua, kiri) ketika melakukan pemeriksaan harga jualan pada Program Pematuhan Penandaan Harga sempena TMM2020 di kawasan tumpuan pelancong di puncak Bukit Bendera, 5 Jan, 2020. – fotoBERNAMA

GEORGE TOWN: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan menjalankan pemantauan serta penguatkuasaan terhadap kira-kira 4,000 premis di pusat pelancongan seluruh negara sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 (TMM2020).

Pengarah Penguatkuasa KPDNHEP, Datuk Iskandar Halim Sulaiman berkata, pemantauan serta penguatkuasaan itu akan dijalankan menerusi Program Pematuhan Penandaan Harga di premis kawasan tumpuan pelancong 2020 (Ops Indah).

"Kita mulakan Ops Indah di Pulau Pinang kerana negeri ini menerima kunjungan pelancong seramai 1.9 juta orang setiap tahun, dan ini adalah salah satu langkah daripada kementerian untuk melindungi pengguna daripada aktiviti pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga yang tidak beretika di pusat pelancongan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan program itu di Bukit Bendera, di sini,

.. pada Ahad.

Beliau berkata, antara tujuan Ops Indah adalah untuk memastikan peniaga mempamerkan tanda harga pada makanan di samping meletakkan label kandungan makanan.

Turut hadir dalam program tersebut ialah Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera (PHC), Datuk Cheok Lay Leng.

Iskandar berkata, Ops Indah akan dijalankan dari semasa ke semasa di seluruh negara sehingga berakhirnya tahun 2020.

"Pegawai penguatkuasa akan berada di lokasi tumpuan orang ramai membeli-belah seperti pasar awam, pasar tani, pasaraya termasuklah pusat jualan cenderahati untuk menjalankan pemeriksaan dan pemantauan," katanya.

Iskandar turut menasihatkan pengguna supaya menyalurkan aduan di saluran yang betul supaya pegawai penguatkuasa dapat melakukan siasatan seterusnya mengambil tindakan jika terdapat sebarang penyelewengan tanda harga di premis berkaitan.

"Peniaga perlu meletakkan tanda harga atau senarai harga bagi barangan yang dijual dan mereka yang engkar boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

"Mereka yang sabit kesalahan boleh didenda sehingga RM50,000 atau dikompau sebanyak RM25,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya bagi individu, dan denda RM100,000 bagi syarikat atau dikompau sebanyak RM50,000," katanya.

-- BERNAMA

